

Atasi sesak Pasar Borong Selayang

Oleh ZANIFAH MD. NOR

KUALA LUMPUR 6 Jun – Sikap orang ramai yang mementingkan diri dengan meletakkan kenderaan masing-masing di bahu Jalan Ipoh berhampiran pasar borong Selayang antara faktor utama masalah kesesakan lalu lintas di kawasan berkenaan.

Kesesakan yang bermula seawal pukul 7 pagi di jalan tersebut menjadi semakin serius terutama pada hari minggu atau cuti umum.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, orang ramai yang memilih untuk meletakkan kenderaan mereka di bahu jalan tanpa menghiraukan bahaya yang menunggu.

Papan tanda peringatan sebagai zon tunda dan garisan kuning yang terdapat di bahu jalan juga tidak diindahkan oleh sesetengah pemilik kenderaan.

Kesesakan tambah meruncing apabila terdapat kereta yang diletakkan di atas jalan sehingga menyebabkan jalan raya utama yang mempunyai tiga lorong laju itu tinggal satu lorong sahaja.

Seorang pengguna jalan raya, **Zaid Osman**, 32, berkata, kesesakan yang berlaku berhampiran pasar borong Selayang itu semakin ketara pada waktu pagi terutama pada hari minggu.

"Disebabkan tiada penguat kuasa yang bertugas pada hari tersebut, ramai yang memilih untuk meletakkan kereta di bahu jalan."

"Malah ada yang meletakkan kereta secara double parking menjadikan keadaan kesesakan jalan raya tambah teruk pada waktu pagi seawal jam 7 pagi," katanya yang menetap di Jalan Indah, Selayang Baru.

Tambahnya, pernah suatu ketika, kemalangan berlaku apabila sebuah kereta dari arah Rawang melanggar kereta yang mengundur keluar dari bahu jalan tersebut.

"Kawasan ini agak bahaya kerana selalunya kereta yang dipandu dari arah Rawang akan bergerak laju. Sedangkan di bahu jalan itu pula terdapat banyak kereta yang keluar masuk," jelasnya.

Seorang pekerja stesen minyak berhampiran, **Kamsiah Hasan**, 52, berkata, sepanjang pengalamannya bekerja di kawasan berhampiran, jalan utama itu tidak sunyi dengan kemalangan maut yang sering berlaku kerana orang ramai.

"Ini disebabkan jalan tersebut sentiasa sesak sedangkan kenderaan yang datang dari arah Rawang pula agak laju."

"Ada hari minggu yang tambah teruk jika ada orang yang rosek ditambah dengan kenderaan yang diletakkan di bahu jalan tanpa menghiraukan peraturan dan garisan kuning di bahu jalan," katanya.

Tambah Kamsiah, biarpun banyak kawasan letak kereta berbayar terdapat di situ, masih ramai orang awam yang memilih untuk



ZAID OSMAN

meletakkan kereta mereka di bahu jalan.

"Sebabnya, mereka tak mahu keluaran wang dan cuma fikirkan jalan mudah untuk membeli barang," katanya.

Berdasarkan pengamatannya, jika terdapat penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertugas pada hari tersebut, keadaan jalan kembali tenang kerana tiada kenderaan yang diletakkan di bahu jalan.

"Saya lihat penguat kuasa DBKL kadangkala ada, kadangkala tak ada. Saya cadangkan agar penguat kuasa dapat 'turun' setiap hari terutama pada hujung minggu agar orang tak berani meletakkan kereta mereka di bahu jalan," tambahnya.

Bagi seorang pemuzik, **Azhar Ahmad**, 34, keadaan jalan yang sempit dari Selayang untuk ke Kuala Lumpur menyebabkan ramai yang memilih untuk meletakkan kenderaan mereka di bahu jalan.

"Kalau nak masuk dan 'parking' dari arah sana, keadaan jalan lagi sempit dan sesak. Jadi kalau nak elakkan kesesakan di jalan ini, rasanya elok penguat kuasa DBKL adakan rondaan pada setiap hari termasuk hujung minggu," katanya.

Bagaimanapun, sebagai pengguna jalan raya, dia mengharapkan keadaan kembali pulih apabila terdapat ura-ura yang mengatakan pasar borong tersebut akan dipindahkan oleh pihak DBKL.

Zurin Idris, 30, pula berpendapat, sikap segehintir masyarakat yang mementingkan diri dengan memikirkan cara paling senang dan mudah untuk meletak kereta di bahu jalan berhampiran pasar




KAMSI AH HASAN

antara faktor utama kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut.

"Masalahnya, mereka langsung tidak fikirkan tentang bahaya kerana ini jalan utama dan kenderaan yang melaluinya agak laju."

"Jika dah 'parking' di bahu jalan ia bukan saja menyebabkan kesesakan lalu lintas malah boleh mencetuskan kemalangan jalan raya," katanya.



PAPAN tanda zon tunda sekadar hiasan sedangkan berpuluh buah kereta masih diletakkan di bahu Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. – Gambar HUSSIN IBRAHIM